

**DEWAN MAJLIS****Isnin, 17 Jamadilakhir 1439 / 5 Mac 2018****YANG DI-PERTUA  
DAN AHLI-AHLI MAJLIS  
MESYUARAT NEGARA****HADIR:****YANG DI-PERTUA**

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib, PSNB., SLJ., PHBS., PJK., PKL., Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

**AHLI RASMI KERANA JAWATAN  
(PERDANA MENTERI DAN  
MENTERI-MENTERI)**

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Perdana Menteri, Menteri Pertahanan, Menteri Kewangan dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan, Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, DKMB., DPKT., King Abdul Aziz Ribbon, First Class (Saudi Arabia), The Order of the Renaissance (First Degree) (Jordan), Grand Cross of Crown Order - G.K.K. (Netherlands), Medal of Honour (Lao), DSO (Singapore), Order of Lakandula with the Rank of Grand Cross (Philippines), The Order of Prince Yaroslav the Wise, Second Class (Ukraine), DSO (Military) (Singapore), PHBS., Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim, DK., SPMB., DSNB., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Mentari.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, PSNB., DSLJ., SMB., PHBS., PIKB., PKL., Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman, PSSUB., DPMB., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Menteri Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Apong, PSNB., DPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof, DPKT., SMB., PHBS., Menteri Pertahanan II, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Paduka Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar, DPMB., Menteri Kesihatan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Paduka Haji Awang Abdul Mokti bin Haji Mohd Daud, SPMB., PJK., PKL., Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Paduka Dr Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah, SPMB., SNB., Menteri Kewangan II, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Paduka Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof, SPMB., PSB., PJK., PIKB., Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Paduka Awang Haji Suhaimi bin Haji Gafar, SPMB., SNB., PIKB., Menteri Pembangunan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Paduka Dr Haji Mat Suny bin Haji Mohd Hussein, DPMB., PJK., Menteri Tenaga (*Energy*) dan Perindustrian, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Hamzah bin Sulaiman, DPMB., PJK., Menteri Pendidikan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Awang Abdul Mutalib bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohammad Yusof, SMB., PIKB., Menteri Perhubungan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ehsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin, DPKT., SMB., Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam.

**AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG BERGELAR:**

Yang Berhormat Pehin Datu Imam Datu Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal, PSSUB., DSNB., PHBS., PBLI., PKL.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu, DPKT., DPMB., SNB., PBLI., PJK., PKLP.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim, DPMB., SNB., PJK., PKL.

**AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG TELAH MENCAPAI KECEMERLANGAN:**

Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung, PSB., PIKB., PKL.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli bin Haji Arshad, SMB.

Yang Berhormat Awang Ong Tiong Oh.

Yang Berhormat Dayang Siti Rozaimeryanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman.

Yang Berhormat Dayang Hafimi binti Abdul Haadii.

Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Haji Ash'ari, PIKB.

Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad, PIKB.

**AHLI YANG DILANTIK MEWAKILI DAERAH-DAERAH:**

Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon, PSB., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Berakas 'B', Zon 1 - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis, PSB., PJK., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Kota Batu, Zon 3 - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin, PIKB., Penghulu Mukim Gadong 'A', Zon 4 - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari, Ketua Kampung Limau Manis, Zon 5 - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman, PIKB., PKL., Ketua Kampung Masjid Lama, Pekan Muara, Sabun dan Pelumpong, Zon 2 - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin, PJK., PKL., Penghulu Mukim Liang, Zon 1 - Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput, PIKB., Ketua Kampung Labi I, Zon 2 - Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong, SUB., PJK., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Tanjong Maya, Zon 1 - Daerah Tutong.

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit, PIKB., PKL., Penghulu Mukim Telisai, Zon 2 - Daerah Tutong.

Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu, SMB., PSB., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Bokok, Kelima-lima Mukim Daerah Temburong.

### **HADIR BERSAMA:**

Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Jaya Dato Paduka Awang Haji Judin Haji Asar, DPMB., SLJ., POAS., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Yang Mulia Dayang Rose Aminah binti Haji Ismail, PSB., PIKB., Timbalan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

### **Mesyuarat mula bersidang pada pukul 9.30 pagi**

**Yang Dimuliakan Jurutulis:**  
بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Keempat Belas Majlis Mesyuarat Negara bersidang pada hari ini, hari Isnin, 17 Jamadilakhir 1439 bersamaan 5 Mac 2018 Masihi didahului dengan Doa Selamat.

### **DOA SELAMAT**

Doa selamat dibacakan oleh Yang Dimuliakan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Emran bin Haji Kunchang. (Imam Masjid Sultan Omar 'Ali Saifuddin).

**Yang Berhormat Yang**

**Di-Pertua:** بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
Alhamdulillah, kita bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah rahmat-Nya jua, maka kita dapat berkumpul beramai-ramai pada hari ini di Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Dari Musim Permesyuaratan Keempat Belas Majlis Mesyuarat Negara.

Selawat serta salam ke atas Junjungan Besar kita Saidina Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wassalam kaum kerabat, para sahabat serta pengikut-pengikut Baginda yang taat lagi setia hingga ke akhir zaman.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan yang diadakan pada pagi ini sememangnya sangat signifikan, malah amat bersejarah kerana pada hari ini, Istiadat Pembukaan Rasmi Majlis Mesyuarat Dari Musim Permesyuaratan Keempat Belas Majlis Mesyuarat Negara akan dirasmikan sendiri oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkuah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Walau bagaimanapun, sebelum Ahli-Ahli Yang Berhormat memulakan tugas dan tanggungjawab masing-masing (menurut Fasal 49) daripada Perlembagaan Negara Brunei Darussalam bahawa ahli yang baharu dilantik sebagai Ahli Majlis Mesyuarat Negara khususnya Ahli Yang Berhormat Menteri-Menteri Kabinet yang telah dilantik pada 30 Januari 2018.

Sebelum memulakan tugas dan kewajipan sebagai Ahli Majlis Mesyuarat Negara adalah dikehendaki untuk mengangkat sumpah atau pengakuan seperti dalam Borang IV yang telah diedarkan kepada 10 orang Ahli Yang Berhormat Menteri-Menteri Kabinet yang berkenaan. Ada baiknya Majlis Mengangkat Sumpah ini kita dahulukan.

**Yang Dimuliakan Jurutulis:** Majlis Mengangkat Sumpah bagi Ahli Yang Berhormat Menteri-Menteri Kabinet yang baharu dilantik sebagai Ahli Majlis Mesyuarat Negara didahului oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Di-Raja Dato Laila Utama Awang Haji Isa bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila Utama Awang Haji Ibrahim, Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Di-Raja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim, Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda

Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri mengangkat sumpah.

**Yang Dimuliakan Jurutulis:** Yang Berhormat Dato Paduka Awang Dr. Haji Mohamad Isham bin Haji Jaafar, Menteri Kesihatan.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Dr. Haji Mohamad Isham bin Haji Jaafar, Menteri Kesihatan mengangkat sumpah.

**Yang Dimuliakan Jurutulis:** Yang Berhormat Dato Seri Paduka Haji Awang Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud, Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Yang Berhormat Dato Seri Paduka Haji Awang Abdul Mokti bin Haji Mohd Daud, Menteri di Jabatan Perdana Menteri mengangkat sumpah.

**Yang Dimuliakan Jurutulis:** Yang Berhormat Dato Seri Paduka Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah, Menteri Kewangan II.

Yang Berhormat Dato Seri Paduka Dr. Awang Haji Mohd Amin Liew bin Abdullah, Menteri Kewangan II mengangkat sumpah.

**Yang Dimuliakan Jurutulis:** Yang Berhormat Dato Seri Paduka Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II.

Yang Berhormat Dato Seri Paduka Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II mengangkat sumpah.

**Yang Dimuliakan Jurutulis:** Yang Berhormat Dato Seri Paduka Awang Haji Suhaimi bin Haji Gafar, Menteri Pembangunan.

Yang Berhormat Dato Seri Paduka Awang Haji Suhaimi bin Haji Gafar, Menteri Pembangunan mengangkat sumpah.

**Yang Dimuliakan Jurutulis:** Yang Berhormat Dato Paduka Dr. Awang Haji Mat Suny bin Haji Mohd. Hussien, Menteri Tenaga (*Energy*) dan Perindustrian.

Yang Berhormat Dato Paduka Dr. Awang Haji Mat Suny bin Haji Mohd. Hussien, Menteri Tenaga (*Energy*) dan Perindustrian mengangkat sumpah.

**Yang Dimuliakan Jurutulis:** Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Hamzah bin Haji Sulaiman, Menteri Pendidikan.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Hamzah bin Haji Sulaiman, Menteri Pendidikan mengangkat sumpah.

**Yang Dimuliakan Jurutulis:** Yang Berhormat Awang Abdul Mutalib bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohammad Yusof, Menteri Perhubungan.

Yang Berhormat Awang Abdul Mutalib bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohd. Yusof, Menteri Perhubungan mengangkat sumpah.

**Yang Dimuliakan Jurutulis:** Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan mengangkat sumpah.

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:** الْحَمْدُ لِلَّهِ Majlis upacara mengangkat sumpah bagi sepuluh orang Ahli Yang Berhormat Menteri-Menteri Kabinet selaku Ahli Majlis Mesyuarat Negara yang baharu telah pun selesai kita laksanakan. Dengan sumpah yang dilepaskan sebentar tadi ia merupakan satu tanggungjawab yang besar bagi Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara sebagai satu pasukan dalam mendukung amanah yang dipertanggungjawabkan dengan penuh berserah dan bertawakal kepada Allah Subhanahu Wataala jua.

Dalam kesempatan ini, saya merakamkan setinggi-tinggi ucapan tahniah kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat Menteri-Menteri Kabinet atas lantikan mereka masing-masing.

Saya yakin dan percaya bahawa lantikan bagi mereka yang masih memegang jawatan dan bagi mereka yang baru dilantik ini merupakan satu pengiktirafan dan amanah dalam sama-sama membangun dan memajukan Negara Brunei Darussalam sesuai dengan wawasan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk membawa kebajikan dan kemakmuran kepada rakyat dan negara.

Saya juga ingin mengucapkan penghargaan dan terima kasih kepada Menteri-Menteri Kabinet yang tidak lagi dilantik atas khidmat dan dedikasi mereka kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam secara am dan kepada majlis ini khususnya.

Ahli-Ahli Yang Berhormat di hadapan kita masih ada perkara yang perlu kita selesaikan dengan sesegeranya, maka ada baiknya kita berpindah kepada perkara yang seterusnya.

**Yang Dimuliakan Jurutulis:** Perkara II, Meneliti dan mengesahkan Minit Persidangan Majlis Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ketiga Belas yang telah bersidang selama 11 hari bermula 7 hingga 19 Jamadilawal 1438 dan 21 Jamdilakhir 1438 bersamaan 6 hingga 20 Mac 2017 bertempat di Dewan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara, Dewan Majlis, Jalan Dewan Majlis, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:** Ahli-Ahli Yang Berhormat. Minit Persidangan Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ketiga Belas telah pun dikelilingkan kepada semua Ahli Yang Berhormat. Saya percaya Ahli-Ahli Yang Berhormat telah pun meneliti minit-minit mesyuarat yang berkenaan itu. Walau bagaimanapun, saya ingin memberikan peluang kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat jika ada yang ingin untuk memberikan komen, kenyataan atau pindaan atau apa pun saya persilakan Ahli-Ahli Yang Berhormat untuk berbuat sedemikian sekarang. Silakan Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit.

**Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit:** السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. dan salam sejahtera. Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara.

Kaola ingin membangkitkan dalam minit ini iaitu muka surat 8 Perkara V, Usul-Usul Yang Telah Diberi Notis iaitu meluluskan satu usul menyembahkan sepenuh-penuh menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas keberangkatgan Baginda ke Majlis Perasmian Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ketiga Belas Majlis Mesyuarat Negara dan atas titah

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada hari Isnin, 7 Jamadilakhir 1438 bersamaan 6 Mac 2017 tahun lalu.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, sesungguhnya kaola pada Perkara V Usul-Usul Yang Diberi Notis ada turut serta ucap sembah menjunjung kasih, tetapi dalam Minit ini nama kaola tidak ada tercatat. Maka sehubungan itu, kaola mohon supaya ia diambil perhatian.

Sekian *وبالله التوفيق والهداية السَّلامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ*

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit, insya-Allah perkara ini akan kita perbetulkan. Adakah Ahli-Ahli Yang Berhormat yang lain ingin untuk memberikan sebarang komen lagi terhadap Minit Mesyuarat Yang Ketiga Belas ini. Nampaknya tidak ada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang mempunyai sebarang komen atau pindaan yang dicadangkan.

Maka saya membuat kesimpulan bahawa isi kandungan Minit Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ketiga Belas ini tertakluk kepada tambahan atau pindaan yang telah kita persetujui tadi yang dibuat oleh Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji

Lahit dan dengan itu minit ini saya luluskan.

Ahli-Ahli Yang Berhormat sebentar lagi Istiadat Pembukaan Rasmi Majlis Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Keempat Belas Majlis Mesyuarat Negara ini akan dirasmikan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah Ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, maka bagi membolehkan majlis ini menunggu dan menjunjung keberangkatan Baginda ke Dewan ini, maka saya tangguhkan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini.

Sekian *وبالله التوفيق والهداية السَّلامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ*

**(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)**

## T I T A H

**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH MU'IZZADDIN WADDAULAH IBNI AL-MARHUM SULTAN HAJI OMAR 'ALI SAIFUDDIEN SA'ADUL KHAIRI WADDIEN, SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM SEMPENA ISTIADAT PEMBUKAAN RASMI MESYUARAT PERTAMA DARI PERMESYUARATAN KEEMPAT BELAS MAJLIS MESYUARAT NEGARA PADA HARI ISNIN, 17 JAMADILAKHIR 1439 BERSAMAAN 5 MAC 2018**



**BERTEMPAT DI BANGUNAN DEWAN  
MAJLIS, JALAN DEWAN MAJLIS,  
BANDAR SERI BEGAWAN, NEGARA  
BRUNEI DARUSSALAM**

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَبِهِ نَسْتَعِينُ  
عَلَى أُمُورِ الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ، وَالصَّلَاةِ  
وَالسَّلَامِ عَلَى أَشْرَفِ الْمُرْسَلِينَ،  
سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ  
أَجْمَعِينَ، وَبَعْدُ.

Alhamdulillah, Beta bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala, kerana dengan izin-Nya dapatlah kita berkumpul di Majlis Istiadat Pembukaan Rasmi bagi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Keempat Belas Malis Mesyuarat Negara pada hari ini.

Beta berharap majlis akan dapat bersidang dengan ahli-ahli semua dapat mengemukakan buah fikiran serta seterusnya mencadangkan perkara-perkara yang dapat membawa perubahan-perubahan besar kepada negara.

Di mana-mana sahaja terdapat kecenderungan orang bercakap mengenai ekonomi. Maka kita pun demikian juga sangat mengambil berat bidang ekonomi itu.

Sebagai sebuah negara yang masih bergantung kepada hasil minyak dan gas, Negara Brunei Darussalam perlu terus aktif mempelbagaikan ekonominya. Ini adalah wajar, berdasarkan harga minyak dunia sering sahaja dilihat tidak menentu.

Walaupun permintaan global meningkat dan harga minyak mulai pulih pada kadar yang menggalakkan, namun pertumbuhan ekonomi tetap sahaja diramal masih berada pada paras yang rendah.

Lalu kerana itu, kita tetap perlu untuk terus mengawal imbalan fiskal negara dalam jangka masa pendek dan panjang.

Tetapi ini sahaja tidak memadai. Langkah berjimat memang baik dan terpuji, tetapi semata-mata berjimat tanpa ada usaha ke arah pertumbuhan adalah salah satu sikap yang tidak diterima. Di samping berjimat, kita juga mesti menggembelng tenaga bagi pertumbuhan secara besar-besaran Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

Brunei perlu meneroka bidang yang tidak dapat diabaikan lagi. Pastikan ianya ditangani dengan berkesan sehingga berhasil. Beta sudahpun menyebut berkali-kali bidang pertanian. Bidang ini sangatlah mendesak untuk digerakkan. Bukan bergerak ikut

*mood*, tetapi bergerak demi keperluan. Negara adalah sangat-sangat memerlukan.

Sudah sampai masanya untuk Brunei berdikari dalam pemakanan, khasnya berdaya upaya untuk menyara diri sendiri dengan makanan asasi iaitu beras. Usahakan ia sampai berhasil.

Berbalik lagi mengenai sumber minyak dan gas. Tidaklah cukup setakat berbangga mempunyai sumber ini. Tetapi yang penting ialah pengurusannya. Cara kita mengurusnya.

Pengurusan adalah segala-galanya. Penemuan sumber minyak di negara ini telah pun mencecah umur hampir satu abad. Dalam usianya yang sepanjang itu, orang-orang Brunei sepatutnya sudah lebih matang dalam pengurusan. Tetapi malang, kenyataannya masih tidak sampai ke tahap itu, bahkan masih terlalu jauh daripada apa yang diharapkan.

Adapun untuk mendapatkan khidmat konsultan atau pekerja luar adalah sesuatu yang biasa diamalkan. Tetapi ini, bukanlah bererti untuk selama-lamanya. Sedang konsep belajar dan menimba pengalaman tetap terbuka kepada anak-anak tempatan, tetapi ia lambat untuk berhasil, sehingga setakat untuk menduduki jawatan Pengarah

Urusan pun kita susah apatah lagi jawatan-jawatan yang lebih tinggi.

Beta mahu supaya perkara ini dikaji. Beta kurang yakin anak-anak tempatan kita tidak mempunyai kebolehan langsung, berdasarkan kalau orang lain boleh mengapa kita tidak boleh? Dan kalau orang lain boleh mendapat ilmu dan pengalaman mengapa kita tidak?

Beta ragu selama ini kita mungkin sahaja salah pasang 'skru' makanya kita mesti mencari apa yang salah itu dan membetulkannya.

Pembangunan tidak akan berjalan lancar sekiranya peraturan dan undang-undang tidak dilaksanakan dengan sempurna. Kerana itu langkah menguatkuasakan peraturan dan undang-undang amatlah perlu.

Adalah tidak wajar untuk selalu-selalu ketirisan dalam melaksanakan sebarang undang-undang atau peraturan.

Dalam Sidang Kabinet baru-baru ini, Beta ada menyebut mengenai pembersihan Brunei daripada sampah dan kotoran. Beta diberitahu, bahawa akta mengenainya sudah pun sedia ada dengan peruntukan denda tertentu. Mana-mana orang atau syarikat didapati membuang sampah di tempat awam boleh

**dikenakan denda kompaun tidak melebihi lima ratus ringgit. kerana itulah ada orang yang didenda cuma seratus atau dua ratus ringgit sahaja.**

**Kita masih belum pasti tentang kesempurnaan pelaksanaan akta ini, selain juga masih meragui, adakah denda sebanyak seratus atau dua ratus ringgit itu mampu memberikan pengajaran kepada masyarakat, khasnya kepada para pasalah yang berkenaan?**

**Begitu juga seperti Akta Rokok dan lain-lain, adakah ia sudah benar-benar dikuatkuasakan atau masih sahaja berlaku *ketirisan* menanganinya? Semua ini memerlukan perhatian dan kajian oleh pihak-pihak yang berkaitan.**

**Kita tidak mahu orang mempersendakan akta kerana kelemahan kita. Ada akta sahaja belum memadai tanpa ianya didaulatkan melalui pelaksanaan. Pelaksanaanlah 'harga' bagi sesuatu akta itu.**

**Beta ingin melihat, di dalam Dewan yang mulia ini, semua ahli akan terlibat memberikan pendapat atau pandangan tanpa takut-takut atau ragu-ragu demi kebaikan bersama dan negara.**

**Sekian Wabillahit Taufeq Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.**

**(Majlis Mesyuarat berehat sebentar)**

**(Majlis Mesyuarat bersidang semula)**

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:** Ahli-Ahli Yang Berhormat, terlebih dahulu marilah kita merafakkan rasa syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala kerana dengan limpah dan keizinan daripada-Nya jua Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Keempat Belas Majlis Mesyurat Negara telah pun disempurnakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Maka bagi membolehkan Majlis ini menjunjung keberangkatan balik Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam meninggalkan Dewan Majlis ini, saya tangguhkan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini dan kita akan bersidang semula pada esok hari iaitu hari Selasa, 18 Jamadilakhir 1439 bersamaan 6 Mac 2018 Masihi pada pukul 9.00 pagi.

Sekian وبالله التوفيق والهداية السّلام عليكم ورحمة الله وبركاته

**(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)**